



UPM iktiraf kecemerlangan warga, 15 staf terima Anugerah Fellowship Naib Canselor pada MGP 2026



Oleh: Noor Eszereen Juferi
Oleh: Muhammad Nur Zairi Mohd Nazari

SERDANG, 19 Mei – Universiti Putra Malaysia (UPM) terus menghargai kecemerlangan dan dedikasi warganya apabila 15 staf menerima Anugerah Fellowship Naib Canselor sempena Majlis Gemilang Putra (MGP) 2026 yang berlangsung hari ini.

Naib Canselor UPM, Dato’ Profesor Ir. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, berkata penganjuran majlis itu mencerminkan komitmen universiti dalam mengiktiraf prestasi cemerlang, sumbangan besar serta pengorbanan warga UPM sepanjang tahun 2025.

“MGP bukan sekadar majlis penyampaian anugerah, tetapi platform rasmi universiti untuk menghargai jasa dan bakti warga kerja yang telah menyumbang kepada pembangunan UPM sebagai institusi pendidikan tinggi bertaraf antarabangsa,” katanya.

Beliau turut menyeru seluruh warga universiti agar terus memupuk budaya kerja berprestasi tinggi, berintegriti dan penuh iktizam selaras dengan visi serta aspirasi universiti.

“UPM akan terus memainkan peranan sebagai universiti bereputasi antarabangsa melalui penglibatan aktif khususnya dalam bidang pertanian dan keterjaminan makanan di samping bidang strategik lain yang menjadi tujahan universiti demi masa depan negara dan tamadun manusia,” katanya.



Sementara itu, Pendaftar UPM, Muhazam Mansor, berkata majlis berkenaan menjadi simbol penghargaan universiti terhadap dedikasi dan komitmen warga kerja yang menjadi tunjang kekuatan institusi itu.

“Integriti perlu terus menjadi asas utama dalam usaha mengejar kecemerlangan dan produktiviti kerana kecemerlangan tanpa integriti tidak akan mampu bertahan lama.

“Integriti bukan sekadar pematuhan terhadap peraturan, malah mencerminkan maruah ilmu, kejujuran intelektual serta amanah dan tanggungjawab terhadap masyarakat,” katanya.

Majlis Gemilang Putra merupakan acara tahunan berprestij UPM yang menghimpunkan pengiktirafan terhadap pencapaian warga universiti dalam pelbagai bidang termasuk pengajaran, penyelidikan, inovasi, perkhidmatan profesional dan pembangunan pelajar.



Pada majlis itu, Anugerah Khas Akademia Putra 2025 diterima oleh Profesor Dr. Amin Ismail daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Bagi Anugerah Fellowship Naib Canselor (Pengajaran), kategori Pengajar Cemerlang (Sains Tulen) diterima oleh Dr. Tan Sin Tee daripada Fakulti Sains; kategori Sains Kesihatan oleh Profesor Madya Dr. Aneesa Abdul Rashid, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan; kategori Sastera Gunaan dan Sains Sosial Gunaan oleh Dr. Sharon Ong Yong Yee, Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, UPMS; manakala kategori Sastera dan Sains Sosial diterima oleh Dr. Ilyana Jalaluddin, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

Bagi Anugerah Fellowship Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), kategori Penyelidik Cemerlang (Sains dan Teknologi) diterima oleh Profesor Madya Ts. Dr. Fakhru Zaman Rokhani daripada Fakulti Kejuruteraan manakala kategori Penyelidik Muda (Sains dan Teknologi) diterima oleh Profesor Madya Dr. Leong Sui Sien, Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan, UPMS.

Kategori Penyelidik Muda (Sains Sosial) pula diterima oleh Dr. Anitha Roslan daripada Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, manakala kategori Penerbitan Makalah Jurnal (Sains dan Teknologi) diterima oleh Profesor Madya Dr. Muhammad Hafiz Abu Bakar, Fakulti Kejuruteraan, kategori Inovasi dan Pengkomersialan Produk, Profesor Madya Ts. Dr. Norhayu Asib, Fakulti Pertanian dan kategori Penerbitan Buku, Profesor Madya Dr. Clare Chan Suet Ching, Fakulti Ekologi Manusia.

Bagi Anugerah Fellowship Naib Canselor (Pembangunan Pelajar), kategori Kumpulan Pengurusan dan Profesional Akademik diterima oleh Profesor Madya Dr. Mohd Mursyid Arshad, Pusat Pembangunan Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar.

Anugerah Fellowship Naib Canselor (Perkhidmatan Profesional) kategori Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik) diterima oleh Profesor Dr. Ismi Arif Ismail, Fakulti Pengajian Pendidikan manakala kategori Kumpulan Pengurusan dan Profesional Pentadbir diterima oleh Dr. Nor Asma Ab Razak. Institut Biosains.

Anugerah Fellowship Naib Canselor (Perunding Cemerlang) pula diterima oleh Profesor Dr. Ina Salwany Md Yasin, Fakulti Pertanian.

Selain itu, Anugerah Jasamu Dikenang diberikan kepada waris 14 pegawai yang meninggal dunia sebagai tanda penghargaan atas jasa dan sumbangan mereka kepada universiti.

Seramai 86 pegawai yang telah dan akan bersara pada tahun 2026 turut menerima Anugerah Jasa Putra, manakala 180 pegawai menerima Anugerah Setia Putra bagi tempoh perkhidmatan 20 tahun.



Turut diraikan ialah 12 penerima Anugerah Bakti Putra bagi tempoh 30 tahun perkhidmatan serta empat pegawai yang menerima Anugerah Perkhidmatan Melebihi 40 Tahun.

Pada majlis sama, seramai 563 pegawai UPM menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2025 sebagai pengiktirafan terhadap komitmen dan prestasi cemerlang mereka dalam memperkukuh kecemerlangan universiti.

Other News

SBESCare perkukuh...
[Read more »](#)

CFF 2026 perkukuh...
[Read more »](#)

Pakar UPM ketengah...
[Read more »](#)

Kesetiaan lebih empat dekad...
[Read more »](#)

Didikan arwah ayah dorong...
[Read more »](#)

Budaya kerja “beyond the KPI”...
[Read more »](#)

News Archive

Latest

Year

- 2026
- 2025
- 2024
- 2023
- 2022
- 2021
- 2020
- 2019
- 2018
- 2017



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

- News
- Article
- Video
- UPM in the News
- Document

Contact Us

[Feedback](#)

Others

- UPM Holdings
- UPM Plate Number
- Give to UPM
- Tender and Contracts
- Ministry of Higher Education
- UPM AI HUB
- Sustainability@UPM

